

Banjir: Kabinet arah bantu segera

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

Sekiranya didapati peruntukan kewangan tambahan diperlukan maka kerajaan bersetuju untuk mengeluarkan bantuan segera bagi membantu menyalurkan bantuan khususnya bekalan makanan dan selimut kepada mangsa yang terlibat

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

KUALA LUMPUR 20 Dis. - Kabinet hari ini mengarahkan supaya bantuan disalurkan segera kepada semua mangsa banjir terutama di Johor yang mengalami situasi terburuk setakat ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu beliau sendiri akan ke negeri itu esok untuk meninjau dengan lebih dekat masalah banjir yang melanda.

Petang ini, menurut beliau, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil telah ke Johor untuk memastikan bantuan berkenaan sampai kepada semua mangsa terlibat.

Pada masa yang sama, Najib berkata, kerajaan turut membuat pemantauan ke atas beberapa negeri lain ekoran keadaan cuaca yang kini sukar hendak diramalkan.

"Kabinet hari ini mengulangi ketetapan bahawa bantuan ke pusat-pusat pemindahan banjir mestilah disalurkan dengan segera.

"Sekiranya didapati peruntukan kewangan tambahan diperlukan maka kerajaan bersetuju untuk mengeluarkan bantuan segera bagi membantu menyalurkan bantuan khususnya bekalan makanan dan selimut kepada mangsa yang terlibat," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis penyerahan wang zakat dan pelancaran skim pembiayaan peribadi

pesara (Skim) 3P oleh Eoncap Islamic Bank di Kementerian Pertahanan, di sini, hari ini.

Semalam, lebih 10,000 penduduk di hampir semua daerah di Johor dan Jasin di Melaka terpaksa dipindahkan akibat banjir selepas hujan lebat berterusan sejak kelmarin.

Hujan lebat tanpa henti sejak Ahad lalu di Johor disifatkan sebagai satu fenomena luar biasa yang berlaku sejak 100 tahun lalu.

Banjir juga dijangka melanda beberapa negeri di Pantai Timur dan barat Semenanjung seperti Melaka dan Negeri Sembilan serta bahagian timur dan selatan Pahang ekoran hujan lebat yang diramal berterusan sehingga Jumaat ini.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara berkata, bagi memastikan proses pemindahan mangsa banjir dapat dilakukan dengan lancar, anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah dikerah ke negeri terlibat untuk melakukan tugas-tugas berkenaan.

Tambahnya, bantuan dalam bentuk logistik turut disediakan melibatkan trak tiga tan, bot dan helikopter bagi melancarkan proses pemindahan dan menyelamatkan mangsa.

"Jika kekuatan anggota tentera di Johor tidak mencukupi, saya telah meminta tenaga tambahan dari Negeri Sembilan dan Selangor untuk membantu operasi pemindahan serta menyelamatkan mangsa-mangsa banjir," ujarnya.

Dalam hal ini, Timbalan Perdana Menteri menasihatkan semua mangsa banjir supaya bertenang, berhati-hati dan mematuhi segala arahan yang dikeluarkan.

"Saya meminta mereka supaya mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan sekiranya diminta berpindah, mereka perlu berpindah.

"Saya percaya jika semua mangsa banjir ikut panduan, ikut nasihat insya-Allah kita akan dapat mengelak berlakunya sebarang kehilangan nyawa," tambahnya.